



PAPARAN MAKLUM BALAS BAGI CADANGAN/KOMEN PELANGGAN
BULAN APRIL TAHUN 2024

BIL.	BUTIRAN PELANGGAN	TARIKH	CADANGAN/KOMEN PELANGGAN	MAKLUM BALAS JABATAN
APRIL 2024				
1.	Jantina : Lelaki Umur : 31-40 tahun	17 April 2024	Perkhidmatan Kaunter – Sangat Tidak Berpuas Hati : Kaunter informasi ada 3 tetapi hanya ada seorang kakitangan sahaja bertugas, orang awam perlu beratur panjang dan masalah kesesakan ketika waktu puncak	Pihak jabatan mengambil maklum di atas komen/maklumbalas daripada pelanggan pada tarikh 17 April 2024 (Rabu) mengenai ketidakpuasan pelanggan terhadap perkhidmatan di Kaunter Informasi. Untuk makluman, waktu kejadian seorang petugas kaunter sedang pergi ke tandas dan ramai pelanggan datang serentak dalam satu masa, tetapi keadaan masih terkawal. Pihak jabatan juga telah memberi teguran kepada Petugas Kaunter berhubung teguran tersebut untuk memastikan 2 orang Petugas Kaunter sentiasa berada di Kaunter Informasi. Untuk makluman juga, jabatan telah menetapkan hanya dua orang kakitangan dalam satu masa di Kaunter Informasi bagi semakan cukai taksiran dan semakan urusan Majlis.

